



**Nestle tidak naikkan harga produk**

» 22

**Keistimewaan Pengerang sebagai hab minyak**

» 23

bisnes.utusan@gmail.com  
**Bisnes**

**ASNB** ASN RMO.8478 ASN2 RMI.2186 ASN3 RMI.1284 ASG-PENDIDIKAN RMI.0409 ASG-PERSARAAN RMI.1445 ASG-KESIHATAN RMI.0524 ASB RMI.0000 ASW 2020 RMI.0000 ASM RMI.0000 ASB RMI.0000 AS MALAYSIA RMI.0000

Hanya untuk tempoh Januari hingga Mac lalu

# Pelaburan Iskandar RM2.78b

Oleh **LUQMAN HAZIQ**  
elqman@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU** 26 April - Iskandar Malaysia, sebuah koridor ekonomi yang semakin pesat membangun di selatan tanah air berjaya merekodkan pelaburan sebanyak RM2.78 bilion bagi tempoh Januari hingga Mac lalu.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ismail Ibrahim berkata, dengan pelaburan terbaru itu, jumlah pelaburan di Iskandar Malaysia setakat ini mencapai RM87.56 bilion dalam pelbagai sektor sejak dimulakan pada 2006.

Menurutnya, 43 peratus daripada pelaburan tersebut telah pun dilaksanakan.

"Iskandar Malaysia meneruskan matlamatnya untuk menjadi sebuah metropolis yang moden serta mapan di bahagian selatan Johor.

"Situasi ini mampu menambah momentum kepada Iskandar Malaysia meskipun keadaan pelaburan global pada masa ini berada dalam keadaan tidak stabil dan pelaburan antarabangsa yang dijangka merudum akibat keadaan ekonomi global yang tidak menentu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. Ismail berkata, usaha untuk me-

narik minat pelabur dari Asia Pasifik akan diteruskan di samping memberi penekanan dalam hubungan antara Iskandar Malaysia dan Singapura dalam pelbagai sektor yang mampu memberi kebaikan dalam pertumbuhan ekonomi kedua-dua pihak.

"Penambahbaikan infrastruktur bagi menghubungkan Johor Bahru dan Singapura akan membantu mewujudkan sebuah unit ekonomi yang menguntungkan," katanya.

Menurutnya, pelaburan kumulatif berjumlah RM87.56 bilion terbahagi kepada 61 peratus (RM53.25 bilion) adalah pelaburan domestik, manakala baki 39 peratus (RM34.21 bilion) merupakan pelaburan asing.

"Kami terus menggalakan pelabur tempatan untuk meningkatkan pelaburan semasa mereka sahaja bagi pelaburan baru dan juga pelaburan semula," katanya.

Pembangunan di Iskandar Malaysia dijangka mewujudkan 850,000 peluang pekerjaan menjelang 2025. Dengan pembukaan Laluan Penukiran Timur (EDL) awal bulan ini, Iskandar Malaysia mampu menjadi hab pelancongan dengan beroperasi di Taman Tema Legoland Malaysia dan Taman Tema di Puteri Harbour mulai suku keempat tahun ini.



**ISMAIL IBRAHIM**



**LAKARAN** artis bangunan Medini Square yang akan menjadi salah satu daya tarikan di Iskandar Malaysia.